

**NO. SOALAN : 426**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO-LEUNG**  
**[ALOR SETAR ]**

**SOALAN :**

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah peranan Kerajaan Persekutuan dalam membantu kerajaan Kedah melaksanakan projek bandar raya getah di Padang Terap, dan apakah status terbaru mengenai projek tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kajian *Border Economic Transformation Programme* (BETP), Majlis Ekonomi Negara telah bersetuju dengan cadangan pembangunan *Rubber City* di Kedah. Projek ini mendapat sokongan penuh Kerajaan Negeri Kedah.

*Rubber City* telah dikenalpasti sebagai pemangkin nod pertumbuhan di Padang Terap dan selaras dengan matlamat fasa kedua pembangunan di Wilayah Koridor Utara, iaitu untuk mewujudkan nod-nod pertumbuhan yang baru di Koridor Utara. *Rubber City* apabila direalisasikan kelak akan menjadi satu bandar ikonik global dengan kemudahan bertaraf dunia, persekitaran kerja dan hidup yang berkualiti tinggi disokong oleh pelaburan asing dan domestik yang kukuh. Selain itu, hasil produk getah dapat ditawarkan secara konsisten ke pasaran luar dan dalam negara.

Projek pembangunan *Rubber City* di Kedah telah dipohon di dalam RMKe-11 dan sekiranya diluluskan, ia akan dilaksanakan dalam RMKe-11.

Sekian, terima kasih.